

SULIT

1103/1

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

Julai / Ogos

2026

2 jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2026**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik dan petikan di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan keselamatan murid di dalam makmal. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang keselamatan murid di dalam makmal. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

**Kes bahan kimia tumpah di makmal sekolah berulang**

KUALA LUMPUR: Tumpahan bahan kimia berlaku di sebuah sekolah menengah di sini melibatkan tumpahan asid nitrik hingga menyebabkan mangsa yang menghidunya mengalami sesak nafas dan pedih mata.

[Lihat halaman sebelah
SULIT



BAHAGIAN B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Dasar Kebudayaan Kebangsaan bertujuan untuk memperkukuh perpaduan masyarakat melalui budaya. Oleh itu, para pemimpin negara berharap agar masyarakat dapat mengenali budaya yang diamalkan oleh pelbagai kaum di Malaysia terutama dari segi perayaan dan makanan bersesuaian dengan konsep Malaysia Madani. Namun begitu, generasi sekarang dikatakan tidak mengamalkan budaya yang diamalkan oleh masyarakat terdahulu kerana terpengaruh dengan budaya Barat, pengaruh media sosial dan kurang didikan serta kesedaran tentang perkara ini.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Dasar Kebudayaan Kebangsaan

Berdasarkan petikan, bincangkan faktor-faktor berlakunya perkara tersebut.

2

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (BERNAMA) – Persaingan rancak dalam industri animasi tidak mematahkan semangat para pengusaha industri animasi tempatan untuk terus mencipta sejarah. Hal ini terbukti apabila karya animasi tempatan telah berjaya menawan hati penonton dalam negara. Antara animasi terkenal di negara ini ialah Ejen Ali, Upin dan Ipin dan Mechamato.

Sumber: Dipetik dan diubah suai
daripada BERNAMA

Selain kesan yang terdapat dalam petikan di atas, jelaskan kesan-kesan industri ini kepada masyarakat dan negara.

3

Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) untuk Rakyat adalah satu inisiatif untuk mengurangkan jurang literasi digital dalam kalangan rakyat Malaysia. Bagi mencapai hasrat tersebut, kerajaan Malaysia menggalakkan semua pihak menggunakan AI dalam urusan pentadbiran dan harian kerana program ini dapat menyediakan gambaran menyeluruh tentang dunia AI dengan tujuan untuk menarik minat masyarakat seterusnya membina kerjaya dalam sektor ini.

Sumber: Dipetik dan diubah suai
daripada Internet

Huraikan peranan pelbagai pihak untuk menggalakkan masyarakat menggunakan program ini.

4

KUALA LUMPUR, 3 Januari – Kejayaan industri pelancongan negara bukan sekadar bergantung kepada pembangunan dan tarikan fizikal, sebaliknya berpaksikan kepada keamanan, keharmonian serta kepelbagaian budaya yang menjadi kekuatan utama Malaysia. Sektor pelancongan juga antara penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dan menyediakan peluang pekerjaan yang meluas. Oleh itu, pelbagai langkah perlu dilakukan bagi merancakkan perkembangan industri ini.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Portal Berita RTM

Bincangkan langkah-langkah bagi merancakkan industri ini.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT